



SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN SUNGAI KARANGAN
09410, PADANG SERAI, KEDAH DARUL AMAN.

Peperiksaan Percubaan 2019

SKEMA JAWAPAN

BAHASA MELAYU
KERTAS 2



Disediakan oleh :
Meganathan a/l Lachimanan
Guru mata pelajaran Bahasa Melayu Tingkatan 5

Soalan 1

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- | | |
|------------|-------------|
| (a) Isi | - 20 markah |
| (b) bahasa | - 10 markah |

(a) **Isi [20 markah]**

Nota:

- (i) Panduan mengira perkataan:
Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan
- nama khas
 - perkataan berganda / berulang
 - penggunaan kata sendi di dan ke
 - Tarikh
 - angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
 - gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 perkataan sahaja** sebelum diperiksa.
- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan sahaja**. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.
- (iv) Berikan markah bagi isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Isi									Markah Maksimum
(i) Pendahuluan										2
(ii) Isi tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	16
(iii) Isi tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup / Kesimpulan										2
Jumlah markah										20

Pendahuluan (2 markah)

- P1** Petikan membincangkan **usaha-usaha / langkah-langkah / kaedah-kaedah / pendekatan** menjaga kesihatan diri **di Malaysia / di negara kita.**
- P2** Rumusan ini membincangkan **usaha-usaha / langkah-langkah / kaedah-kaedah / pendekatan** menjaga kesihatan diri dan cabaran untuk melaksanakannya.

**Isi Tersurat (4 hingga 12 markah)
(cara-cara menjaga kesihatan diri)**

- S1.** kesedaran bahawa tubuh sangat memerlukan penjagaan.
- S2.** mendapatkan maklumat tentang penjagaan kesihatan.
- S3.** pemeriksaan kesihatan berjadual sekurang-kurangnya tiga kali setahun.
- S4.** mengamalkan pemakanan yang seimbang dan berkhasiat.
- S5.** melakukan senaman dua atau tiga kali seminggu.
- S6.** amalan meminum air kosong.
- S7.** mengamalkan senaman yang konsisten.
- S8.** rehat dan tidur yang secukupnya.

**Isi Tersirat (4 hingga 12 markah)
(cabaran untuk melaksanakannya)**

- T1.** banyak makanan tidak berkhasiat di pasaran.
- T2.** sibuk dengan tugas harian.
- T3.** kurang pengetahuan tentang cara penjagaan kesihatan diri.
- T4.** nafsu makan yang tidak terkawal.
- T5.** kurang prasarana / kemudahan melakukan aktiviti senaman / riadah.
- T6.** kurang mendapat galakan daripada keluarga / pihak bertanggungjawab.
- T7.** iklan / promosi / jualan murah.

(cadangan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Kesimpulan (2 markah)
(cadangan dan harapan)

- K1** Kesimpulannya, setiap individu perlu menjaga kesihatan diri agar dapat melahirkan masyarakat yang sihat.
- K2** Kesimpulannya, semua pihak haruslah menyedari kepentingan menjaga kesihatan diri agar terhindar daripada penyakit.

(Kesimpulan yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)

Soalan 2(a) - Petikan Umum

(i) Maksud tindakan awal

- langkah / terlebih dahulu / mula-mula sekali / permulaan 2
- tindakan / terlebih dahulu / mula-mula sekali / permulaan 1
- langkah / awal 1

[Maksimum : 2 markah]

(ii) Kepentingan-kepentingan :

- P1** menjamin keceriaan hidup individu.
- P2** menjamin tahap kesihatan yang baik berterusan.
- P3** tahap kesihatan semakin meningkat dari sehari ke sehari.

[Maksimum : 3 markah]

[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Peranan pihak sekolah untuk menimbulkan kesedaran tentang kepentingan menjaga kesihatan dalam kalangan murid :

- P1** kempen / ceramah / pameran kesedaran menjaga kesihatan.
- P2** mata pelajaran Pendidikan Jasmani dan Kesihatan / Sains.
- P3** aktiviti unit beruniform.
- P4** Program 1Murid 1Sukan.
- P5** pemeriksaan kesihatan di sekolah secara percuma.
- P6.** jadual aktiviti riadah dan sukan.
- P7** lawatan ke hospital.

(jawapan lain boleh diterima sekiranya sesuai)

[Maksimum : 4 markah]

[Isi cukup : 3 isi]

Soalan 2(b) - Prosa Moden

(Cerpen : Munsyi)

(i) Angkara tersebut ialah :

- P1 angkara kejahanan terhadap salasilah tanah air.
P2 yang terpecah kepada pagar-pagar perkauman yang tebal.
- [Maksimum : 2 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(ii) Persiapan yang perlu dilakukan oleh remaja yang ingin hidup di perantauan ialah :

- P1 mencari tempat tinggal yang sesuai.
P2 menyediakan wang yang mencukupi.
P3 menguasai pelbagai bahasa agar mudah berkomunikasi dengan masyarakat setempat.
P4 mendapatkan maklumat tentang budaya tempat tersebut.
P5 mencari kawan baharu.
P6 membiasakan diri hidup berdikari.
P7 belajar berbelanja secara berhemat
P8 bijak merancang kewangan.
P9 berhubung dengan kawan, kenalan atau saudara-mara yang berada di tempat yang akan dikunjungi.

[Maksimum : 3 markah]
[Isi cukup : 2 isi]

(iii) Satu pengajaran dalam petikan :

- P1 **Kita hendaklah gigih menimba ilmu untuk menjadi bekalan hidup.**
Mel bertekad memenuhi dahulu dada dengan segala ilmu pengetahuan dan pengalaman sebelum berhijrah ke kota.
- P2 **Kita haruslah bertanggungjawab memelihara agama dan bahasa ibunda.**
Pesan bonda kepada Mel supaya memelihara agama dan bahasa ibunda.

Satu pengajaran tidak dalam petikan :

- K1 **Kita hendaklah taat akan perintah ibu.**
Mel taat akan perintah bondanya yang tidak membenarkan dia berhijrah ke banda.
- K2 **Kita mestilah amanah dalam melaksanakan sesuatu tugas.**
Mel menyerahkan beg berisi puluhan kitab lama yang dikirim oleh bonda kepada Munsyi.

***(pengajaran lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

Soalan 2(c) - Prosa Tradisional
(Burung Terbang Dipipiskan Lada)

(i) Maksud akan mengeluari orang Siam.

- P1 **akan** - untuk
 mengeluari - menyekat / menghalang / menahan
 orang Siam - serangan Siam
(ketiga-tiga frasa betul) **2m**

(ii) Keistimewaan Seri Bija Diraja :

- P1 sedia asal Melayu.
P2 asalnya daripada Muntah Lembu.
P3 digelar orang Datuk Bongkok.
P4 gagah berani.

[maksimum : **3 markah**]
[Isi cukup : **2 Isi**]

(iii) Cara-cara mengelakkan perang :

- P1 mengadakan rundingan secara baik.
P2 mewujudkan hubungan diplomatik.
P3 membuat perjanjian.
P4 saling bertolak ansur

***(alasan lain boleh diterima sekiranya sesuai)**

[maksimum : **3 markah**]
[Isi cukup : **2 Isi**]

Soalan 2(d) - Puisi

(Gurindam Dua Belas Fasal yang Ketiga)

(i) Kebaikan :

- P1** tidak melakukan perkara yang menyalahi hukum agama / undang-undang.
- P2** tidak mengambil hak orang lain / yang bukan milik kita.
- P3** tidak pergi ke tempat-tempat yang dilarang / tempat maksiat.
- P4** tidak terjebak dalam kegiatan yang negatif / perkara keji.
- P5** sentiasa menggunakan tangan dan kakinya untuk perkara membawa kebaikan / manfaat.

[maksimum : **2 markah**]

[Isi cukup : **2 Isi**]

(ii) Kesan-kesan tidak menjaga pertuturan.

- P1** menimbulkan perbalahan / permusuhan / persengketaan / pergaduhan.
- P2** merosakan / memutuskan hubungan / silaturahim.
- P3** dibenci / dimusuhi oleh orang lain.
- P4** kekurangan / ketiadaan kawan.
- P5** imej diri tercemar / tidak hormat.

[maksimum : **3 markah**]

[Isi cukup : **2 Isi**]

(iii) Satu pengajaran rangkap 5 dan rangkap 7 :

Rangkap 5

P1 Kita hendaklah mengawal nafsu makan / kita janganlah makan sehingga kenyang.

Penyajak menasihati agar kita mestilah mengawal nafsu makan agar tidak melakukan perbuatan yang tidak senonoh. (1+1)

Kita janganlah makan secara berlebih-lebihan kerana boleh menyebabkan kita melakukan perbuatan yang tidak baik.

Rangkap 7

P2 Kita mestilah menjaga pergerakan.

Penyajak menyarankan agar kita mestilah menjaga perjalanan agar tidak pergi ke tempat-tempat dilarang oleh agama. (1+1)

Soalan 3

Markah penuh dibahagikan kepada

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Rangkai kata digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Rangkai kata digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Menambah atau menukar imbuhan, berikan 0 markah.
6. Isi tidak jelas, berikan $\frac{1}{2}$ markah.
7. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak $\frac{1}{2}$ markah bagi setiap ayat.
8. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
9. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.

Jawapan 3(a)

(i) kerat

- a. potong / penggal

(ii) kelat

- a. rasa hampir-hampir pahir (seperti rasa pinang)
- b. lekat / susah dibuka (mata kerana terlalu mengantuk)

(iii) bidang

- a. penjodoh bilangan bagi benda yang luas (seperti tanah)
- b. kegiatan yang diceburi / lapangan.
- c. ukuran lebar sesuatu (seperti kain, tikar)

(iv) sidang

- a. perjumpaan (untuk membincangkan sesuatu) mesyuarat.
- b. ketua kampung
- c. berhenti (hujan) reda.

(v) syarat

- a. tuntutan yang mesti dipenuhi, jaminan, janji.
- b. Ketentuan (rukun, peraturan) yang mesti dipatuhi.

(vi) sarat

- a. terlalu banyak (muatan, bebanan)
- b. penuh berisi (dengan air, fikiran, harapan, kesusahan)
- c. mengandung (hamil)

Jawapan 3(b)

(jawapan dalam bentuk petikan)

1. Aiman bertanya tentang rancangan Kok Seong pada musim cuti nanti.
2. Kok Seong menyatakan bahawa dia tidak mempunyai apa-apa / (sebarang) rancangan.
3. Oleh itu, Aiman mencadangkan Kok Seong mengikutnya pulang ke kampungnya.
4. Kok Seong juga bertanyakan keistimewaan / (perkara yang menarik) di kampung Aiman.
5. Menurut Aiman, di kampungnya terdapat sungai dan mereka boleh memancing.
6. Di samping itu, pada masa itu di kampungnya terdapat musim buah-buahan.

Jawapan 3(c)

(i)	terok	-	teruk
(ii)	berdisiplin	-	berdisiplin
(iii)	masaalah	-	masalah
(iv)	kesesakkan	-	kesesakan
(v)	meletakan	-	meletakkan
(vi)	menganggu	-	menganggu

Jawapan 3(d)

(i)	paling terlaris luas	-	paling laris / terlaris hebat / hangat
(ii)	perlawanann di	-	pertandingan pada
(iii)	beliau bila	-	baginda apabila

Jawapan 3(e)

- (i) bagai isi dengan kuku - hubungan yang sangat rapat / sangat karib.
- (ii) makan angin - bersiar-siar untuk mendapat angin bersih / berehat-rehat / melapangkan fikiran
- (iii) sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit - kalau kita berhemat sedikit-sedikit / lama-lama simpanan menjadi banyak.

Soalan 4
Markah penuh **15 markah**

Panduan pemarkahan bagi Soalan 4.

Soalan 4 (a)

- i. Jawapan berdasarkan **sebuah** novel yang dikaji.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 1 markah bagi setiap pernyataan **latar tempat** yang telah ditetapkan yang betul / tepat.
- iv. Beri 1 markah bagi setiap peristiwa / huraihan yang lengkap / jelas. (1+1)
- v. Markah isi maksimum 4 markah. (Maksimum 2 markah bagi setiap pengajaran yang telah ditetapkan)
- vi. Markah bahasa maksimum 3 markah.
- vii. Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 3 markah
Sederhana : 2 markah
Lemah : 1 markah
- viii. Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- ix. Calon tidak menjawab 0 markah.

[Maksimum : 7 markah]

Soalan 4 (b)

- i. Jawapan berdasarkan dua novel yang dipelajari.
- ii. Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat lengkap.
- iii. Beri 1 markah bagi setiap **pernyataan pengajaran tentang keberanian**.
- iv. Beri 2 markah bagi setiap peristiwa / huraihan yang lengkap / jelas. (1+1)
- v. Sekiranya calon gagal mengemukakan pernyataan pengajaran yang betul, jawapan calon dianggap salah. (0m)
- vi. Markah isi maksimum, 6 markah (maksimum 3 markah bagi setiap peristiwa menarik)
- vii. Markah bahasa maksimum, 2 markah.
- viii. Markah bahasa diberi secara *impression*.
Baik : 2 markah
Lemah : 1 markah
- ix. Jika calon menjawab dan markah isi 0, berikan 1 markah untuk bahasa.
- x. Calon tidak menjawab, 0 markah.

[Maksimum: 8 markah]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT